

# Pengiktirafan untuk atlet Paralimpik

**KUALA LUMPUR** - Jurulatih skuad lompat jauh paralimpik kebangsaan, Mohd. Syahrul Amri Muhd, Suhaimi menyifatkan pemberian insentif sebanyak RMI juta dan pencen RM5,000 sebulan untuk seumur hidup daripada kerajaan merupakan satu usaha yang baik demi masa depan atlet-atlet Paralimpik Malaysia.

"Pengorbanan dan kejayaan yang mereka peroleh pada

Sukan Paralimpik Rio 2016 dan insentif diberikan oleh Malaysia itu memang patut mereka terima.

"Usaha mereka diiktiraf oleh Malaysia dan insentif ini untuk masa depan mereka. Terima kasih kerajaan yang sentiasa memberikan sokongan kepada atlet Paralimpik Malaysia," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Anak buah Syahrul Amri,

Abdul Latif Romly berjaya memenangi pingat emas lompat jauh kategori T20 (masalah pembelajaran) dengan catatan 7.60 meter yang membolehkan dia memecahkan rekod dunia acara tersebut.

Dua lagi pingat emas diraih Malaysia pada Sukan Paralimpik Rio hadir menerusi Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi dalam acara 100 meter T36 (cerebral palsy) dan Mu-

hammad Ziyad Zolkefli (lon-tar peluru F20).

Ketiga-tiga atlet itu juga bakal menerima tiket penerbangan percuma disediakan syarikat AirAsia untuk sepanjang hayat mereka, sebuah kediaman Suite Trion 888 dan kenderaan Kia Sportage daripada Naza Corporation dan pakej umrah bersama ibu bapa mereka daripada DRB-HICOM Berhad.